

**6hb Ogos 2009**

Koroner : Tuan Azmil Muntapha bin Abas

Timbalan Pendakwaraya (TPR) : Tuan Idham bin Abdul Ghani  
(dilantik oleh Kerajaan Malaysia) Encik Tan Hock Chuan  
Encik Cains Tan  
Encik Justin Wee  
Mohd Abbas Zafri b. Mohd Abas

Peguam Pemerhati  
(untuk keluarga simati) : Encik Gobind Singh Deo  
Encik S.N Nair  
Encik Ram Karpal Singh  
Encik Karpal Singh  
Lim Lick Eng

Peguam Pemerhati  
(kerajaan Negeri Selangor) : Encik Malik Imtiaz Sarwar  
Cik Asma binti Mohd Yunus  
Encik Ashok Kandiah  
Encik Sreekant Pillay

Peguam Pemerhati  
(Majlis Peguam) : Encik Richard Wee Lopez  
Encik Cheow Wee  
En. Syahredzan Johan  
En. Haniff Khatri  
Cik Jun Lo

Mahkamah: Bersidang di Mahkamah terbuka pada hari yang ketiga. Akan mulakan dengan saksi yang keenam berkenaan dengan isu buku daftar.

Timbalan Pendakwaraya: Pihak-pihak seperti semalam.

Majlis Peguam: Bersama saya adalah En. Rajpal Singh, En. Salim Bashir dan En. Sunil Lopez, platih dalam kamar Cik Jun Low.

Timbalan Pendakwaraya: Panggil semula saksi keenam, Abdul Rahman Ibrahim.

## **SI6**

(Butir-butir sama seperti semalam).

(Bersumpah dan bertutur dalam Bahasa Melayu).

Timbalan Pendakwaraya: Rujuk saksi dengan buku keluar masuk ofis di Plaza Masalam. Adakah ini buku keluar masuk Plaza Masalam?

A : Benar.

Q : Sila lihat muka surat 8, adakah ini muka surat yang terakhir di mana terdapat catitan?

A : Benar.

Q : Apakah tarikh terakhir catitan dibuat keluar masuk?

A : Pada 19hb Mei 2009.

**SI6 – ABDUL RAHMAN BIN IBRAHIM**

Q : Sebelum itu apakah catitan tarikh keluar masuk?

A : 5hb Mei 2009.

Q : Sebelum itu?

A : 4hb Mei 2009.

Q : Sebelum 4hb Mei 2009?

A : 1hb Mei 2009.

Q : Sebelum itu adakah 24hb April 2009?

A : Betul.

Q : Dan sebelum itu 11hb April 2009?

A : Ya.

Q : Jadi buku ini tidak ditulis setiap hari?

A : Ya.

Q : Jadi keterangan kamu itu hari maksudnya 17hb Julai 2009 sahaja tidak dicatit?

A : Ya, maksud saya 15 hingga 16hb Julai tidak direkodkan.

Q : Tapi memang banyak hari tidak tulis?

A : Ya.

Timbalan Pendakwaraya: Pohon ditandakan.

Mahkamah: I5.

**En. Gobind**

(Tiada soalan).

**Majlis Peguam**

Q : Kamu beritahu 15hb Julai ada catit, buku mana kamu catit? Sila lihat I5, muka surat terakhir pada 27hb Januari 2009 ada catit, lepas itu satu bulan tidak catit dan 5hb Mac 2009 ada catit, setuju memang sebulan tidak dicatit dan disambung semula?

A : Setuju.

Q : Siapa simpan buku ini?

A : Buku ini disimpan di kaunter ofis tower.

Q : Siapa yang akan dapatkan buku ini?

A : Anggota yang bertugas di kaunter tower yang akan dapatkan.

**SI6 – ABDUL RAHMAN BIN IBRAHIM**

Q : Setuju bahawa memang ada lebih dari satu buku?

A : Tidak, hanya satu sahaja.

Mahkamah: Saksi dilepaskan.

Mahkamah: Adakah saksi hari ini sedia?

Timbalan Pendakwaraya: Ya. Semua adalah sedia.

Timbalan Pendakwaraya: Panggil saksi ketujuh. – Cik Zaraiha bt. Awang.

**SI7**

Nama : Zaraiha bt. Awang

Umur : 42 tahun

Alamat: Jabatan Kimia Petaling Jaya

Pekerjaan: Ahli kimia

**Timbalan Pendakwaraya**

Q : Sudah berapa lama kamu bekerja di Jabatan Kimia?

A : Saya sudah bekerja selama 12 tahun.

Q : Kelayakan puan?

A : Ijazah Sarjana Muda Sains Kimia dengan Kepujian 1995 dari Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.

**S17 – ZARAIHA BINTI AWANG**

Q : Kamu sebagai ahli kimia, ada pernah beri keterangan di Mahkamah?

A : Ya.

Q : Sudah berapa tahun beri keterangan di Mahkamah?

A : Sejak tahun 2005.

Q : Pohon saksi dirujuk kepada report yang telah disediakan oleh beliau. Saya cadang agar beliau dibenarkan untuk membaca report dan beri keterangan secara lisan.

Q : Pada 21hb Julai 2009, jam lebihkurang 2.43 petang, semasa kamu menjalankan tugas sebagai ahli kimia, ada terima barang kes?

A : Pada hari dan masa tersebut, saya telah menerima 4 sampul surat yang bertanda H, I, J dan K dan meteri Pengarah Hospital Klang dari ASP Ahmad Nazri.

(I.O dicamkan).

Q : Apa kamu buat dengan eksibit?

A : Saya daftarkan dan keluarkan nombor makmal 7669 /09 – 0 dan melekatkan kesemua nombor makmal tersebut kepada keempat-empat eksibit pada setiap sampul surat.

Q : Sampul pertama bertanda H. Ada buka?

**S17 – ZARAIHA BINTI AWANG**

- A : Ya, ada buka dan mendapati satu botol yang mengandungi specimen darah dan berlabel Teoh Beng Hock.
- Q : Sampul kedua bertanda I?
- A : Satu botol mengandungi specimen darah berlabel sama.
- Q : Sampul ketiga bertanda J?
- A : Satu bekas plastik mengandungi specimen air kencing berlabel sama.
- Q : Sampul K?
- A : Mengandungi satu bekas plastik mengandungi specimen perut berlabel sama.
- Q : Adakah kamu buat analisa terhadap barang?
- A : Ya.  
Specimen darah H – analisis terhadap alkohol etanol. Tiada sebarang etanol dikesan.  
Specimen darah I – tidak ada dadah biasa di dalam specimen blood I.  
Specimen air kencing J – tiada ethyl alkohol dan dadah biasa di dalam air kencing.  
Specimen kandungan perut K – tidak ada sebarang dadah biasa di dalam specimen tersebut.

**S17 – ZARAIHA BINTI AWANG**

Q : Secara rumusan, betul atau tidak selepas analisa kamu tidak terdapat apa-apa kesan ethyl alkohol atau dadah biasa dalam sample darah yang berlabel Teoh Beng Hock?

A : Ya.

Q : Juga tidak terdapat apa-apa kesan ethyl alkohol atau dadah biasa dalam sample air kencing?

A : Ya.

Q : Berdasarkan analisa, kamu juga tidak pasti terdapat kesan dadah biasa dalam perut ?

A : Ya.

Q : Selepas analisa dibuat, adakah kamu sediakan report?

A : Ya.

Q : Pohon ditandakan.

Mahkamah: I6.

Q : Selepas puan habis analisa apa berlaku pada barang kes?

**S17 – ZARAIHA BINTI AWANG**

A : Saya materi dan masukkan ke dalam beg keselamatan Jabatan Kimia Malaysia dan menyerahkan kembali kepada ASP 1339 Ahmad Nazri bin Zainal pada pukul 8.15 pagi pada 28hb Julai 2009.

Q : Sama dengan report?

A : Ya.

Q : Rujuk saksi plastik beg bertanda (PJ) For 7669/09-0 Kimia Malaysia Kes F52 PJ Sek. 11 Shah Alam, 5146/09. Sila lihat adakah ini barang kes yang diserahkan kepada I.O?

A : Ya, ini adalah barang-barang tersebut.

Q : Pohon ditandakan sebagai I7.

Mahkamah: I7(h), (i), (j) dan (k).

A : Ya, ini adalah sampul surat bertanda H yang berlabel Teoh Beng Hock.

Q : Pohon tanda I8(h).

Mahkamah: Ditanda I8(a) – sampul.  
Sample botol I8 (b).

A : Sampul surat bertanda I dan sampel darah bertanda I milik Teoh Beng Hock.

**S17 – ZARAIHA BINTI AWANG**

Mahkamah: Sampul – I9(a).  
Botol – I9(b).

A : Sampul surat bertanda J dan bekas plastik bertanda J label sama.

Mahkamah: Sampul – I10(a).  
Botol – I10(b).

A : Sampul surat bertanda K mengandungi palstik tanda K label sama.

Mahkamah: Sampul – I11(a).  
Specimen – I11(b).

Q : Puan ada report berkenaan toxicology report?

A : Ya.

Q : Tujuan report?

A : Tujuan adalah untuk mengetahui samada terdapat kesan racun atau sebarang bahan berbahaya keatas specimen biology samada haiwan ataupun manusia.

Q : Hasil analisa?

A : Hasil analisa ke atas semua specimen mendapati tiada sebarang ethyl alkohol dan dadah biasa di dalam specimen yang telah dianalisa.

Q : Bila kita tulis dadah biasa, apakah maksudnya?

A : Dadah biasa bermaksud common prescription drugs or common pharmaceutical drugs.

(Itu sahaja).

**En. Gobind**

Q : Sudah berapa tahun sebagai ahli kimia?

A : Bekerja selama hampir 12 tahun semenjak Jun 1997.

Q : Pernah terlibat dalam siasatan kes-kes kematian?

A : Saya menerima kes-kes di bahagian toxicology yang melibatkan kes kematian. Kematian yang tidak diketahui punca, diketahui punca selepas autopsi dijalankan, kemalangan jalanraya yang disebabkan oleh pengaruh dadah atau alkohol dan kematian di mana si mati di bawah pengaruh tersebut.

Q : Dalam kes ini, adakah puan melihat mayat?

A : Tidak.

Q : Bukankah ianya penting untuk seorang ahli kimia melihat mayat atau gambar dalam siasatan kes kematian seperti dikatakan tadi?

A : Tidak perlu sedemikian.

Q : Ada baca banyak buku toxicology dan sebagainya?

**S17 – ZARAIHA BINTI AWANG**

A : Ya.

Q : Bukankah benar bahawa dinyatakan bahawa adalah penting untuk ahli kimia melihat mayat untuk mendapat cadangan berkenaan keracunan?

A : Saya fikir tidak penting.

Q : Kamu ada periksa kandungan perut?

A : Ya.

Q : Apakah warna kandungan perut?

A : Tiada warna. Jika ada racun adalah berlainan dengan specimen perut yang tidak dipengaruhi oleh racun atau dadah.

Q : Apakah warna kandungan tersebut?

A : Tidak berwarna. Jernih.

Q : Rujuk laporan post mortem “abdomen the stomach.....analysis”. Adakah kamu katakan bahawa sample yang kamu terima bukan seperti yang dikatakan dalam post mortem?

A : Tidak.

Q : Kamu tidak terima brownish fluid untuk pemeriksaan?

**S17 – ZARAIHA BINTI AWANG**

A : Tidak setuju. Saya terima sample yang brownish color. Kandungan Specimen perut yang saya terima telah saya periksa.

Q : Brownish maknanya tidak berwarna?

A : Tidak.

Q : Sample yang diterima dari doktor apa color?

A : Brownish color.

Mahkamah: Berapa banyak warna yang ada?

A : Bergantung kepada jenis racun yang terdapat dalam sample tersebut.

Q : Kamu setuju kamu terima sample brownish. Adakah kamu siasat substance brownish tersebut?

A : Ya. Saya jalan dan siasat bahawa ada sifat yang berbau dan menyiasat terhadap jenis dadah yang berbentuk meruap jenis gases dan slycylate.

Q : Dalam kes ini, puan tidak boleh beritahu apakah itu brownish substance itu?

A : Adalah kandungan specimen perut.

Q : Apakah ia? **S17 – ZARAIHA BINTI AWANG**

A : Saya tidak tahu.

Q : Adakah buat siasatan atau analisa untuk dapat tahu bahan itu?

A : Ya. Analisa terhadap dadah biasa menggunakan ujian toxicology yang sistematik.

Q : Kamu terima satu borang dari pihak polis untuk buat analisis yang tertentu, setuju?

A : Ya.

Q : Itu adalah prosedur biasa?

A : Ya.

Q : Boleh lihat borang polis tersebut?

A : Ya.

Q : Dalam para 5 dinyatakan "puan diminta ..... racun". Selain dari ini adakah puan memikirkan berkenaan dengan sebab lain, pemeriksaan lain untuk ini?

A : Tidak. Saya mengikuti apa yang diminta oleh polis dan meneliti kes history. Maksud saya dalam kes ini analisa terhadap volatile gas tidak termasuk dalam aspek racun kerana tidak menunjukkan bahawa si mati tidak terdedah dalam racun yang ada unsur gas.

Q : Puan kata ada pertimbangkan sejarah kes?

**S17 – ZARAIHA BINTI AWANG**

A : Dari borang polis 31, kes ini adalah kes terjatuh dari bangunan tinggi.

Q : Adakah possibility lain hadir dalam fikiran puan?

A : Tidak.

Q : 12 tahun puan buat kes, hanya satu possibility sahaja dalam fikiran puan. Ada tidak possibility yang lain?

A : Tidak.

Q : Terjatuh dari tempat tinggi, adakah puan tahu latarbelakang kes ini?

A : Tidak tahu.

Q : Adakah kamu tahu apa berlaku dalam kes ini? Kamu tidak tanya?

A : Saya tanya pada I.O dan diberitahu bahawa ia adalah kes jatuh bangunan yang melibatkan seorang setiausaha politik.

Q : Ada baca paper berkenaan kes ini?

A : Ada.

Q : Bukankah benar sangkaan ramai orang bahawa beliau adalah ditolak dari bangunan?

**S17 – ZARAIHA BINTI AWANG**

Timbalan Pendakwaraya: Bantahan. The purpose is to know what is actually happen.

Mahkamah: Saya akan tanya samada dalam melakukan test adakah sejarah medical atau sejarah apa. Apa maksud sejarah?

A : Sejarah dari borang polis yang telah diserahkan kepada saya bersama dengan eksibit. Pada borang kimia 15 yang diserahkan kepada saya.

Mahkamah: Adakah punca kematian seperti ditolak akan mempengaruhi laporan kimia?

A : Saya fikir saya tidak berpengalaman dalam menjawab soalan ini.

Mahkamah: Apa tujuan toxicology?

A : Untuk pastikan tiada unsur keracunan samada haiwan atau Manusia.

Mahkamah: Adakah jika ditolak akan pengaruhi kematian?

A : Tidak.

Q : Puan, dalam pengalaman 12 tahun pasti sudah dengar di mana kes seorang telah ditolak dari tempat tinggi dan jatuh? Ada?

A : Tidak pasti.

## S17 – ZARAIHA BINTI AWANG

Q : Setuju dengan saya jika seorang di bawah tekanan yang kuat, maka the composition dalam darah akan menunjukkan. The chemical dalam blood boleh reveal the death?

A : Tidak pasti.

Q : Bila seorang stress, apakah bahan kimia yang dikeluarkan dari dalam badan bertukar?

A : Tidak pasti.

Q : Tahu apa adrenalin?

A : Cecair dihasilkan di dalam manusia apabila kita mengalami sesuatu tekanan.

Q : Jadi puan tahu bahawa adrenalin memang ada?

A : Ya.

Q : Ini adalah satu perkara yang berlaku jika seorang ditolak dalam keadaan cemas?

A : Saya tidak pasti.

Q : Puan setuju bahawa jika stress, adrenalin akan hadir. Saya cadangkan jika seseorang dalam keadaan tertekan akan terdapat adrenalin di dalam badan?

A : Ya.

**S17 – ZARAIHA BINTI AWANG**

Q : Dalam kes ini, adakah kamu setuju bahawa tidak dilakukan stress test untuk adrenalin level dalam darah?

A : Tidak dibuat.

Q : Tidak dibuat kerana pihak polis tidak minta?

A : Saya fikir adrenalin bukan tergolong dalam darah biasa. Ia dihasilkan secara semulajadi.

Q : Kamu tidak buat kerana tidak diarahkan oleh pihak polis dalam borang tersebut?

A : Saya tiada jawapan.

Q : Jika diminta puan akan buat?

A : Ujian toxicology tidak termasuk dalam adrenalin.

Q : A test was not done on adrenalin because it is not asked for?

A : Ya.

Q : Selain dari ujian untuk mendapat specimen ethyl ethanol, alkohol dan common drug, ada buat sebarang ujian untuk bahan kimia yang lain?

A : Analisis dadah biasa menggunakan gas chromatography mass spectrometry telah meneliti sebanyak lebih 300 ribu sebatian kimia.

## **S17 – ZARAIHA BINTI AWANG**

Q : Untuk kesemua itu apa keputusannya?

A : Keputusan adalah tiada sebarang dadah biasa dikesan.

Q : Adakah seorang ahli kimia berkebolehan untuk bantu satu patologist uantuk menentukan masa kematian seseorang?

A : Jika dilihat secara fizikal tidak dapat membantu sehingga specimen biology diuji.

Q : Dari uji specimen boleh bantu?

A : Jika positif boleh bantu.

(Tiada soalan lagi).

### **En. Malik**

(Tiada soalan).

### **Majlis Peguam**

Q : Selain dari sampel ini, ada tidak sample lain?

A : Tidak ada.

Mahkamah: Jenis ujian yang dilakukan untuk kes kematian, adakah terhad kepada ujian untuk dapat jenis unsur dadah, alkohol. Ada ujian lain yang dilakukan dalam kes kematian atau tidak?

A : Ujian toxicology merangkumi racun dadah biasa, disalah guna, racun makhluk perosak, bentuk gas, meruap.

Mahkamah: Selain itu ada tidak jenis lain?

A : Tidak ada.

**Timbalan Pendakwaraya**

Q : Kamu bekerja di bahagian mana?

A : Bahagian toxicology.

Q : Bahagian itu buat ujian apa?

A : Toxicology. Cari dadah biasa, dadah berbahaya atau sebarang bahan yang mempunyai potensi bahaya keatas specimen biology atau specimen yang di klasifikasi sebagai unknown identity.

Q : Rujuk post mortem report, page 5 “the stomach .....”. Setuju bahawa ada brownish fluid tapi sebelum itu kamu kata tidak ada warna. Boleh terangkan?

A : Brownish fluid adalah warna yang biasa pada specimen kandungan perut manusia yang tidak mempunyai dadah. Degree acidity adalah neutral adalah 7.

Q : Bila kata warna, adakah biasa atau PH?

**S17 – ZARAIHA BINTI AWANG**

A : Warna biasa. PH7 tidak berwarna.

Q : Brownish fluid?

A : Ya.

Timbalan Pendakwaraya: Pohon ditandakan borang polis 31 dan kimia 15.

Mahkamah: I12 – borang polis 31.

I13 – borang kimia 15.

Mahkamah : Saksi dilepaskan.

t.t. Azmil Muntapha b. Abas.

11.35 kes dipanggil semula.

Pihak-pihak yang sama.

Timbalan Pendakwaraya: Panggil saksi seterusnya.

## SI8 – SAIFUL HAZAMIN BIN MOHD ALI

### SI8

Nama : Saiful Hazamin b. Mohd Ali  
Umur : 34 tahun  
Bertugas: Jabatan Kimia, Petaling Jaya  
Pekerjaan: Ahli Kimia

(Bersumpah dan bertutur dalam Bahasa Malaysia).

### Timbalan Pendakwaraya

Q : Berapa lama kamu bekerja?

A ; Mula bertugas 2hb Oktober 2000.

Q : Pada bulan Julai 2009, kamu bertugas di bahagian atau jabatan mana di Jabatan Kimia?

A : Pada masa tersebut, saya bertugas di Seksyen Kriminalistik Bahagian Forensik, Jabatan Kimia Malaysia.

Q : Di bahagian ini kamu buat apa?

A : Saya bertanggungjawab dalam menerima, menganalisa dan membuat laporan kes bukti fizikal cat, kaca, tanah dan sebagainya. Kes senjata, kemalangan, kenderaan dan kes kebakaran.

Q : Ini tugas kamu?

**SI8 – SAIFUL HAZAMIN BIN MOHD ALI**

A : Ya.

Q : Kelayakan kamu?

A : Mempunyai Ijazah Sarjana Muda Sains Kimia dari Universiti Malaya tahun 1999.

Q : Ada pernah beri keterangan di Mahkamah?

A : Ya.

Q : Sudah berapa lama beri keterangan?

A : Mulai tahun 2004.

Q : Rujuk laporan kimia. Pada jam 4.10 petang, 24hb Julai 2009, adakah kamu terima barang kes?

A : Ada.

Q : Terima dari siapa?

A : Dari ASP Ahmad Nazri b. Zainal.

Q : Berapa eksibit?

A : Tujuh eksibit.

(ASP Ahmad Nazri dicamkan).

**S18 – SAIFUL HAZAMIN BIN MOHD ALI**

Q : Apakah tujuan eksibit yang diserahkan untuk dianalisa?

A : Lima paket plastik masing-masing bertanda nombor 2, 4, 6, 7 dan 12 yang bermeterai Makmal Forensik Polis Diraja Malaysia. Satu sampul surat bertanda 21 bermeterai forensik PDRM, satu sampul surat bertanda D bertanda Pengarah Hospital Klang.

Q : Pada jam 9.09 pagi, 24hb Julai 2009, adakah kamu terima eksibit lain?

A : Ada.

Q : Terima dari siapa?

A : Pada jam 9.09 pada 24hb Julai 2009, telah diserahkan pada saya oleh Dr. Seah Lay Hong, ahli kimia di Jabatan Kimia PJ, dua bungkusan plastik berlabel nombor makmal (PJ) For 7670/09-0 masing-masing bertanda nombor 3 dan 16 bermeterai Jabatan Kimia Malaysia.

Timbalan Pendakwaraya: Pohon dicamkan.

Q : Adakah ini Dr. Seah Lay Hong?

A : Ya, saya camkan.

Q : Apa yang kamu dapati di barang kes?

## S18 – SAIFUL HAZAMIN BIN MOHD ALI

A : Paket plastik nombor 2 terdapat sebatang skru 5cm panjang.  
Bungkusan plastik nombor 3, seutas rantai jam tangan berlabel nombor 3. Saya dapati kedua-dua tudung rantai jam tangan tidak terdapat pin penyambung. Dan sebatang pin penyambung berlabel 31.27 cm panjang.

Paket plastik nombor 4 dalamnya terdapat sebatang pin penyambung 2.7cm panjang.

Paket plastik nombor 6 terdapat 1 klip logam berserta dua skru.

Paket plastik nombor 7, satu butang logam dengan benang putih yang terputus pada lubangnya.

Paket plastik nombor 12, satu potongan lapik kaki bunga yang pada permukaan atasnya terdapat kesan lekuk lebih kurang 8.5 cm panjang dan 3 cm lebar.

Bungkusan plastik nombor 16, satu bungkusan kertas berisi satu sampul surat yang mengandungi satu bungkusan kertas berisi sehelai seluar dan saya dapati butang pada bahagian pinggang telah tertanggal, walaubagaimanapun terdapat sisa benang putih.

Sampul surat 21 di dalamnya sebahagian pengunci tingkap yang mempunyai 4 lubang skru di mana 3 skru terlekat, 2 skru dalam keadaan baik, 1 telah patah dan 1 tanpa skru. Saya dapati buatan skru adalah sumbing.

**S18 – SAIFUL HAZAMIN BIN MOHD ALI**

Sampul surat B, satu paket plastik berisi satu bekas plastik mengandungi satu bahan putih coklat.

Q : Adakah kamu jalankan pemeriksaan?

A : Ya.

Q : Apakah keputusan dan pemeriksaan kamu?

A : Setelah pemeriksaan di dapati:

1 skru nombor 2 tidak padan dengan skru item nombor 21 iaitu sebahagian pengunci tingkap.

Klip logam berserta 2 skru tidak berkesan dengan item 21.

Kesan patah pada skru item 21 masih baru.

Pin penyambung jam tangan nombor 4 adalah serupa dengan pin penyambung item 21 dan boleh dipadankan dengan hujung item nombor 3.

Benang putih pada butang logam nombor 7 serupa dengan benang putih seluar nombor 16.

Saya berpendapat butang logam nombor 7 berasal dari butang seluar nombor 16.

Ketulan bahan putih coklat konsisten dengan cat.

Q : Selepas pemeriksaan dan analisis, apa berlaku pada barang kes?

**SI8 – SAIFUL HAZAMIN BIN MOHD ALI**

A : Item nombor 3 dan 16 telah diserahkan kembali kepada Dr. Seah Lay Hong pada jam 8.45 pada 27hb Julai 2009.

Q : Eksibit lain?

A : Telah dimeterai dengan label Jabatan Kimia Malaysia dan diserahkan bersama laporan ini kepada ASP Nazri pada 8.00 pagi pada 28hb Julai.

Q : Adakah ini report kamu?

A : Ya.

Mahkamah: I14.

Q : Item nombor 3 dan 16.

(Dr. Seah diminta untuk membuka plastik besar dan mengeluarkan item 3 dan 16).

Q : Apakah ujian yang telah kamu jalankan?

A : Adalah untuk fizikal match samada item yang diberi boleh dipadankan. Kedua adalah untuk mengenal pasti bahan.

Q : Adakah ini item no. 3?

A : Ya.

**S18 – SAIFUL HAZAMIN BIN MOHD ALI**

Q : Adakah ini item no. 16?

A : Ya.

Q : Pohon saksi buka item nombor 3.

A : Ada seutas rantai jam tangan dan pin dan bungkusan plastik.

Mahkamah: Bungkusan plastik – I15.

Seutas rantai jam tangan – I15A.

Pin – I15B.

Q : Item nombor 16 (seluar), sila buka. Pohon ditanda.

Mahkamah: Sampul surat dengan label no. 16 – I16A.

Sampul kecil di dalam – I16B.

Pembalut – I16C.

Seluar – I16D.

Q : Bagaimana dengan eksibit lain?

A : Dipulang kepada ASP Ahmad Nazri.

Q : Paket plastik nombor 2 pohon ditandakan.

Mahkamah: Paket plastik – I17.

Skru – I17A.

Q : Pohon ditandakan paket plastik nombor 4.

**SI8 – SAIFUL HAZAMIN BIN MOHD ALI**

Mahkamah: Paket plastik – I18.

Sebatang pin penyambung jam tangan – I18A.

Q : Pohon ditandakan paket plastik nombor 6.

Mahkamah: Paket plastik – I19.

Klip logam – I19A.

Dua skru – I19B.

Q : Pohon ditanda paket plastik nombor 7.

Mahkamah: Paket plastik – I20.

Satu butang logam – I20A.

Q : Pohon ditandakan paket plastik nombor 12.

Mahkamah: Paket plastik – I21.

Satu potongan lapik kaki lima – I21A.

Q : Pohon tanda sampul surat 21.

Mahkamah: Sampul surat – I22.

Sebahagian pengunci tingkap – I22A.

Q : Pohon tanda sampul surat bertanda D.

Mahkamah: Sampul surat – I23.

Paket plastik – I23A.

Bekas plastik – I23B.

**S18 – SAIFUL HAZAMIN BIN MOHD ALI**

Q : Skru nombor 2 (I17A) tidak padan dengan item 21 (I22A).

(Ditunjukkan oleh saksi).

Q : Klip logam berserta dua skru (I19A dan B) tidak berkaitan dengan item 21.

(Ditunjukkan oleh saksi).

Q : Kesan patah pada skru item 21 sebahagian pengunci tingkap masih baru.

(Ditunjukkan oleh saksi).

Q : Pin penyambung jam tangan nombor 4 adalah serupa dengan nombor 3(1) dan boleh dipadankan dengan hujung jam tangan nombor 3.

(Ditunjukkan oleh saksi).

Q : Benang putih pada butang logam nombor 7 sama dengan sisa benang putih seluar nombor 16.

(Ditunjukkan oleh saksi).

Q : Ketulan bahan putih coklat D konsisten dengan cat.

(Ditunjukkan oleh saksi).

(Tiada soalan lagi).

**En. Gobind**

Q : Untuk saksi ini, kami tiada banyak soalan. Perlu saksi ini untuk tarikh yang lain.

Q : Tuan ada analisa semua barang kes ini. Adakah tuan pergi ke tempat kejadian untuk buat pemeriksaan?

A : Ada pergi.

Q : Dalam pemeriksaan, adakah kamu berjaya mengesahkan samada I19 dari mana datang?

A : Saya tidak memeriksa dengan teliti, saya melihat pada langsir punya rail dan saya percaya ia berasal pada rail langsir.

Q : Apa maksud kamu?

A : Saya melihat sahaja dan bila dibandingkan ialah adalah berlainan dan tiada kaitan.

Q : Jadi kamu lihat di langsir di tingkat 14 dan kamu yakin ia bukan datang dari situ?

A : Saya cuma pada waktu itu cuma memastikan sahaja dan tidak pasti ia datang dari mana.

**S18 – SAIFUL HAZAMIN BIN MOHD ALI**

Q : Bila periksa di tingkat 14, adakah klip langsir tersebut sama dengan klip ini?

A : Sama dan serupa.

Q : Bila teliti langsir tingkat 14, adakah kamu dapati 1 dari klip tersebut tiada?

A : Saya cuma lihat sahaja untuk memahami.

Q : Rujuk I22A. Berhubung dengan ini adakah kamu buat penelitian di tingkat 14?

A : Saya melihat tingkap yang lain dan ia mempunyai set yang lengkap yang terlekat di cermin dan ada handle. Jadi saya katakan ini adalah sebahagian dari pengunci tingkap.

Q : Ada diberi latch?

A : Tidak ada.

**En. Malik**

Tiada soalan.

**Majlis Peguam**

Q : I19, adakah skru 5cm sama untuk fix I19 to the wall?

**S18 – SAIFUL HAZAMIN BIN MOHD ALI**

A : Saya rasa tidak boleh.

Q : Adalah langsir sebegini (seperti di Mahkamah)?

A : Ya.

Q : Adakah kamu memeriksa?

A : Seperti dinyatakan, saya hanya melihat dan tengok bentuk fizikal sahaja.

(Tiada soalan lagi).

Mahkamah: Ketika kamu buat pemeriksaan di tingkat 14, ada tengok langsir lain yang tercabut?

A : Tiada.

Mahkamah: Cuma tertumpu pada tiang sahaja (yang patah)?

A : Ya.

**En. Malik**

Q : I19a ini sama dengan engsel (sketch plan)?

A : Tidak pasti.

(Itu sahaja).

**SI9 – DR. SEAH LAY HOCK**

Timbalan Pendakwaraya: Saksi dilepaskan subject to recall.

Timbalan Pendakwaraya: Saksi seterusnya Dr. Seah Lay Hoon.

**SI9**

Nama : Dr. Seah Lay Hock

Age : 51 years old

Job : Scientific Officer, Department of Chemistry Malaysia

(Bersumpah dan bertutur dalam Bahasa Inggeris).

**Timbalan Pendakwaraya**

Q : When did you join the Chemistry Department?

A : I first joint the department in 1991.

Q : Your qualification?

A : Bachelor of Science in Chemistry, Master of Medical Science in Pathology, PhD in Forensic DNA.

Q : Which department or unit in Chemistry Department?

A : I presently with the serology and DNA section which is under forensic division.

Q : What does this division do?

**SI9 – DR. SEAH LAY HOCK**

A : Serology DNA analysis and do testing in body treats, body tissues, and carry out typing body fluid and tissue By serology testing as well by DNA technology.

Q : what DNA stands for?

A : Deoxyribonucleic acid.

Q : Have you given DNA report?

A : Yes.

Q : On 21<sup>st</sup> July at 2.50 pm, did you receive any exhibit for analysis?

A : Yes from Asp Ahmad Nazri, 18 exhibits.

(ASP Ahmad Nazri dicamkan).

- A :
- 1) Four envelopes respectively marked A, B, C and G and sealed Pengarah Hospital HTAR Klang.
  - 2) Four plastic tubes respectively marked no. 10A, no. 10B, no. 13A and no. 13B and sealed Polis Diraja Malaysia 392.
  - 3) Three plastics packets respectively marked no. 3, no. 5 and no. 11 and sealed Makmal Forensic PDRM.
  - 4) Three paper packages respectively marked no. 14, no. 15 and no. 16 and sealed PDRM 392.
  - 5) Four envelopes respectively marked no. 17, 18, 19 and 20 and sealed PDRM 392.

**SI9 – DR. SEAH LAY HOCK**

Q ; Do you examined and analysis this exhibit?

A : Yes.

Envelope A – a plastic packet with a bottle (labeled Teoh Beng Hock) containing specimen head hairs.

B – a plastic packet with a bottle (labeled Teoh Beng Hock) containing nail clipping bearing no bloodstains.

C – a plastic packer with a bottle (labeled Teoh Beng Hock) containing nail clippings and a nail clipper (ilmarked as C(i) bearing no bloodstains.

G – a plastic packet with a FTA card (labeled Teoh Beng Hock) bearing bloodstained specimen.

No. 3 – a metal strap of a wrist watch ('Ellesse' label) and a metal pin ( l marked as no. 3(i) bearing no bloodstains.

No. 5 – a left black shoe ('Lee Cooper' label) indented at the left side bearing no bloodstains.

No. 10A – a plastic tube containing a swab stick.

No. 10B – a plastic tube containing a swab stick.

No. 11 – a tooth bearing stains indicative of blood.

**SI9 – DR. SEAH LAY HOCK**

No. 13A – a plastic tube containing a swab stick.

No. 13B – a plastic tube containing a swab stick.

No. 14 – an envelope inside which was a green paper package containing a short sleeved, grey blue shirt (pink dragonfly collection label) with one button missing and a SPRM orange colored pen in the shirt pocket. The shirt bore stains indicative of blood.

No. 15 – an envelope inside which was a green paper package containing a black blazer ('Hua De Gong Zi' label) bearing stains indicative of blood).

No. 16 – an envelope inside which was a green paper package containing a pair of beige colored trousers ('Guy's Creative' label) bearing stains indicative of blood. There were tears on the upper back portion of the trousers, a tear on the front of the left knee region and a button missing from the waist band.

No. 17 – an envelope inside which was a black waist belt (suave label) torn apart at a buckle-hole region bearing no bloodstains. I found the tear to be irregular with frayed exposed fabric.

No. 18 - an envelope inside which was a green paper package containing grey underwear ('Brent Wood' label) bearing stains indicative of blood. There were tears on the underwear.

**SI9 – DR. SEAH LAY HOCK**

No. 19 – an envelope inside which was a green paper package containing a pair of grey blue socks ('Byfors' label) which i marked as no. 19(a) and 19(b) respectively, both socks bearing stains indicative of blood. There were tears on both socks.

No. 20 – an envelope inside which was a green paper package containing a right black shoe ('Lee Cooper' label, complementary pair with shoe no. 5) bearing stains indicative of blood. I found the shoe to be indented at the top front end.

Mahkamah: Kes ditangguhkan.

t.t. Azmil Muntapha b. Abas.

**2:20 petang**

Pihak-pihak seperti tadi.

**Watching brief :**

Untuk makluman Mahkamah seorang lagi peguam bagi pihak Majlis Peguam Encik Aris Hazami bersama kami.

**SI 9**

Nama : Dr. Seah Lay Hong  
Pekerjaan : Ahli Kimia, Jabatan Kimia Malaysia

Saksi masih dalam sumpah.

**PEMERIKSAAN UTAMA :**

Q : Did you swab any items for contacted DNA testing?

A : Yes, I did.

Q : What are the items?

A :  
i) Watch-strap "No. 3".  
ii) The indented regions of shoes "NO. 5" and "No. 20".  
iii) Front and back outer sides of shirt "No. 14".  
iv) Front and back outer sides of blazer "No. 15"  
v) The lower left region and tear region of trousers "No. 16"  
– beige color trousers.

vi) The tear region of waist-belt “No. 17” and the region diametrically opposite to that of the tear.

Q: Did you

A : I carry out the DNA analysis for 6 items and also DNA analysis on nail clipping D & C. Tooth number 11. Swab 10 (a) ,(b), 13 (a) & (b) and also blood stains indicated on shirt no. 14, blazer no. 15, trousers no. 16, underwear no. 18 and sock 19 (a) & (b) and also blood stains specimen G.

Q : G is plastic package the FTA card.

A : This are items which were submitted the DNA analysis and the evaluate the DNA analysis and technical DNA and Multiplex Polymerase Chain Reaction technique and all items. 16 location of the DNA was examine comprising one location and local and for gender and sex determination that locals amelogenin and 15 other short tandem repeats loci mainly D8S1179, D21S11, D7S820, CSFIPO, D3S1358, TH01, D13S317, D16S539, D2S1338, D19S433, vWA, TPOX, D18S51, D5S8181 and lastly FGA.

Q : What were the result the DNA typing?

A : The DNA typing result was were :-

i) No foreign source DNA were detected from nail clippings “B” and “C” which were (labeled) (Teoh Beng Hock). The derived DNA profiles indicated a common male origin DNA

## **SI9 – DR. SEAH LAY HOCK**

- ii) profile concordant with the DNA profile of bloodstained specimen “G” which were (labeled) “Teoh Beng Hock”).
- iii) Swab “ No. 10 A” indicated no. DNA profile.
- iv) Swab “ No. 10B” indicated a mixed DNA profile but the contributors could not be conclusively distinguished.
- v) Swab “No. 10B” indicated a weak DNA Profile of male-origin but the contributors could not be conclusively distinguished.
- vi) Swab “No. 13B” indicated a weak and inconclusive DNA profile.
- vii) Similar DNA profile of a male-origin were derived from tooth “No. 11” and the bloodstains indicated on shirt “No. 14” blazer “NO. 15”, trousers “No. 16”, underwear “No. 18” and socks “No. 19(a) and “No. 19(b)” matching the DNA profile obtained for bloodstained specimen “G” which were labeled (“Teoh Beng Hock”), thus indicating a common origin. The probability of a coincidental match from a estimated randomly selected, unrelated individuals as calculated based on the Malaysian Chinese population database is estimated 1 in 920 quadrillion ( $920 \times 10^{15}$ ).
